



PERLU diamatkan sifat berhati-hati dalam mengambil pemain berdarah kacukan untuk menyertai skuad Harimau Malaya. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

Jangan ghairah ambil pemain kacukan

SAUDARA PENGARANG,

BARU-BARU ini kecoh pemain bola sepak yang dikatakan berdarah kacukan dari Congo, Marcel Kalonda tidak jadi beraksi bersama-sama skuad Harimau Malaya.

Semuanya berpunca daripada Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) menyiasat latar belakang pemain itu dan mendapati wujud keraguan terhadap dakwaan Kalonda yang dia berdarah kacukan dan mempunyai hubungan dengan rakyat Malaysia.

Siasatan itu dibantu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang mendapati ada dokumen yang diserahkan pemain itu tidak sah.

Saya berharap kejadian sedemikian dijadikan iktibar oleh FAM dan persatuan bola sepak negeri-negeri. Mereka perlu berhati-hati jika berhasrat mengambil pemain berdarah kacukan atau naturalisasi supaya tidak berdepan masalah.

Semak betul-betul latar belakang mereka dan jangan kerana keghairahan untuk mendapatkan pemain yang mempunyai

tubuh lebih besar dan lebih bertenaga, aspek-aspek berkaitan pengesahan latar belakang diabaikan.

Dalam pada itu, JPN juga perlu melakukan siasatan bagi mengetahui bagaimana Kalonda boleh memiliki dokumen tidak sah. Kita juga ingin tahu daripada mana dia mendapat dokumen berkenaan?

Mungkin ada sindiket yang memalsukan dokumen yang dikeluarkan JPN dan bertindak menjual pada harga tinggi kepada rakyat asing.

Kepada FAM dan persatuan bola sepak negeri-negeri, janganlah terlalu ghairah mengambil pemain naturalisasi kerana berdasarkan pemerhatian saya, prestasi mereka tidak sehebat mana pun.

Utamakan rakyat Malaysia yang asli kerana kita tidak perlu membazir masa untuk melakukan siasatan bagi mengetahui kesahihan identiti mereka.

BAKA TEMPATAN
Kajang, Selangor